

PTCM batal keahlian Nor Azami 26 Jun

UM - 1 AUG 2003

BANGI 31 Julai — Pasukan Tindakan Cemas Malavsia (PTCM) bertindak membatalkan keahlian Nor Azami Ahmad Ghazali daripada menyertai pasukan sukarelawan itu apabila mendapati dia cuba menyelewengkan peranan dan fungsi pasukan berkenaan.

Ketua Turus Umum PTCM, Staf Marshal Munsyi Muslim Yacob berkata, keahlian Nor Azami dibatalkan pada 26 Jun tahun lepas iaitu hanya selepas lebih sebulan dia mendaftar menjadi ahli.

Beliau berkata, Nor Azami menyertai pasukan sukarelawan itu dengan jawatan Komander (Kehormat) Briged Relawan Setia Negara PTCM Wilayah Tengah pada 21 Mei 2002.

“Pelantikannya terpaksa dibatalkan selepas dia disyaki cuba menyeleweng peranan dan fungsi PTCM serta menipu saya sebagai pemerintah tertinggi dalam pasukan ini,” katanya pada sidang akhbar di pejabat PTCM di sini hari ini.

Munsyi memberitahu, selepas dipecat Nor Azami menubuhkan pertubuhan haram yang dikenali sebagai Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Menurutnya, beliau menyedari lelaki terbabit mempunyai niat tidak baik semasa menyertai PTCM sebelum itu kerana dia menunjukkan tingkah laku yang mencurigakan.

Katanya, Nor Azami dikesan mula menipu apabila mendermakan cek tendang berjumlah RM20,000 kepada PTCM untuk membiayai aktiviti pasukan sukarelawan itu.

Jelasnya, cek tersebut disampaikan dalam satu majlis makan malam di sebuah hotel di Sungai Besi pada April 2002.

“Itulah kali pertama saya mengenali Nor Azami. Dia memperkenalkan dirinya sebagai ahli perniagaan bergelar ‘Datuk’ dan memohon ingin menyertai PTCM dengan niat

mahu berkhidmat secara sukarela kepada negara,” ujarnya.

Bagaimanapun, kata Munsyi, perasaan sangsi terhadap Nor Azami timbul apabila beliau mengunjungi pejabatnya di Taman Bukit Angkasa, Pantai Hill Park, di Kuala Lumpur.

Katanya, beliau hairan apabila melihat Nor Azami menggantung potret empat orang Perdana Menteri Malavsia termasuk Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di sebelah Dr. Mahathir, digantung pula potret kosong yang akan diisi oleh gambar bakal Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selepas potret kelima, dia menggantung potret sendiri yang kononnya bakal menjadi Perdana Menteri Keenam.

Selain itu jelasnya, ketua PKPM itu turut menggantung kira-kira 30 helai wang kertas bernilai RM1 yang ditanda tangannya sendiri di siling pejabatnya.

“Tindak tanduknya semakin mencurigakan apabila dia menyuarakan hasratnya ingin menjadi Perdana Menteri dan pegawai risikan dalam mesyuarat PTCM,” katanya.

Bagi yang tidak mengenali Nor Azami katanya, mereka tidak akan mengesyaki dia seorang penipu sebab dia berlagak seperti orang kaya. Dia menaiki kereta mewah seperti Mercedes Benz dan Pajero Mitsubishi serta dikawal oleh dua pengawal peribadi.

Selain mengaku dirinya seorang ‘Datuk’ jelas beliau, dia juga mendakwa mempunyai 100 buah syarikat di seluruh negara.

Katanya, kesemua dakwaan tersebut adalah palsu termasuk anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Datuk kepadanya. Perkara itu sudah disahkan oleh pihak Istana Pahang, baru-baru ini.